



## PEMERKASAAN INSTITUSI DAKWAH DI SABAH

SHARIFAH SARI BINTI DATU ASAL

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 88997, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: sharifahsari@uitm.edu.my

MUSAIYADAH AHMADUN

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 88997, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: musaiyadah@uitm.edu.my

SITI SAIDATULAKMAL ARISHIN

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 88997, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: saidatul1862@uitm.edu.my

MASNIH MUSTAPA

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 88997, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: masnih@uitm.edu.my

### Abstrak

Penglibatan institusi dakwah dalam gerakan dan menyebarkan Islam di Sabah memberi kesan yang besar terutamanya terhadap peningkatan statistik saudara baru di Sabah. Telah banyak program yang dilaksanakan bagi memantapkan usaha dakwah di Sabah. Namun begitu, institusi dakwah di Sabah masih lagi berhadapan dengan cabaran dalaman dan luaran sepanjang melaksanakan usaha dakwah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti strategi dan langkah yang terbaik untuk memperkasakan institusi dakwah di Sabah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk deduktif. Melalui metod deduktif ini, literatur yang dikumpulkan adalah dalam bentuk umum dan daripadanya akan dibuat satu kesimpulan khusus. Hasil kajian mendapati antara strategi yang boleh dilaksanakan untuk memperkasakan institusi dakwah di Sabah adalah meningkatkan jumlah tenaga kerja yang terlibat dalam program dakwah, mengadakan kursus persiapan bagi para pendakwah, membuat program susulan serta kerjasama antara institusi dakwah. Semoga melalui strategi-strategi ini dapat merencanakan lagi dakwah di Sabah dan seterusnya menyebarkan syiar Islam di Borneo.

**Kata Kunci:** Dakwah, institusi dakwah, Sabah.

### 1. Pengenalan

Sabah merupakan sebuah negeri di Malaysia yang terletak di utara Pulau Borneo. Sabah juga merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia dengan keluasan 72,500 km persegi, bersempadan dengan wilayah Kalimantan Indonesia, negeri Sarawak dan Labuan. Semasa penjajahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara, Sabah dikenali sebagai North Borneo (Borneo Utara), nama Sabah pula mulai dipakai semula ketika proses kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada tahun 1963 (Wendy, 2001). Sharifah Darmia (2020) menyatakan Sabah selalu dikatakan sebuah negeri yang unik kerana setiap kumpulan etnik mempunyai amalan kebudayaan, kepercayaan, warisan seni dan agama yang berbeza. Secara umumnya, penduduk Sabah adalah terdiri daripada 33 kumpulan etnik pribumi yang berkomunikasi lebih daripada 50 bahasa dan dialek (Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Iknor Azli Ibrahim, 2017). Contohnya, etnik Kadazan, Bajau, Iranun, Kedayan, Bisaya, Tidong, Rungus, Sungai dan sebagainya. Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin et al. (2021) menyatakan bahawa sebelum kemasukan pengaruh agama di Sabah, penduduk pribumi Sabah tidak menganut sebarang agama sebaliknya mengamalkan kepercayaan animisme seperti mempercayai bahawa setiap benda dan alam sekeliling seperti batu, pokok dan sebagainya mempunyai roh dan semangat. Selepas kemasukan agama di Sabah, etnik-etnik di Sabah sinonim dibahagikan kepada agama dan kepercayaan tertentu. Contohnya, etnik Bajau merupakan etnik dominan menganut Islam.

Menurut Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin et al. (2016) pada sebelum dan awal kemerdekaan, Islam merupakan agama minoriti yang dianuti oleh masyarakat di Sabah. Pada awal 1960-an, penganut Islam hanya sepertiga daripada keseluruhan penduduk Sabah. Majoriti penduduk Sabah ketika itu beragama Kristian dan ada juga yang masih mengamalkan kepercayaan animisme. Walaubagaimanapun, pada tahun 1970-an, Islam telah menjadi agama majoriti dimana 52% penduduk menganut Islam. Perkara ini telah menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah pada 23 September 1973 dan seterusnya membuka jalan untuk mengembangkan lagi agama Islam. Penglibatan para pemimpin, masyarakat dan pelbagai institusi dakwah dalam gerakan dan menyebarkan Islam di Sabah memberi impak yang sangat



besar terutamanya terhadap peningkatan statistik saudara baru di Sabah pada masa kini. Telah banyak program dakwah telah yang dilaksanakan bagi memantapkan usaha dakwah di Sabah. Namun begitu, institusi dakwah di Sabah masih lagi berhadapan dengan cabaran dalaman dan luaran sepanjang menyebarkan dakwah di Sabah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti strategi dan langkah yang terbaik untuk memperkasakan institusi dakwah seterusnya merencanakan lagi usaha dakwah di Sabah.

## 2. Konsep Dakwah dalam Islam

Dakwah adalah satu tanggungjawab yang besar kepada seluruh umat Islam yang mukallaf. Tanpa usaha dakwah ini, Islam tidak akan berkembang dan tersebar luas sebagaimana yang telah kita kecapai sekarang dengan nikmat Iman dan Islam. Peranan ini tidak terhenti setelah kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Perjuangan dakwah tetap diteruskan sehinggalah pada masa kini. Hal ini disebut oleh Zikmal Fuad (2015) bahawa dakwah merupakan kewajipan bagi setiap muslim. Dakwah adalah satu pekerjaan mulia kerana ianya merupakan amalan para rasul dengan membawa manusia ke jalan Allah dengan pelbagai cara dan pendekatan.

Dari sudut bahasa, perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab yang bermaksud ajakan, seruan, panggilan dan undangan (Dr H. Hamzah & Ya'cub, 1992). Manakala, Dr 'Abdul Karim Zaidan (2007) pula mendefinisikan dakwah sebagai panggilan ke jalan Allah. Selain itu, perkataan dakwah membawa dua pengertian iaitu Islam dan Dakwah. Muhammad al-Râwi menjelaskan dakwah adalah panduan yang lengkap tentang perilaku manusia serta ketentuan kewajiban dan hak. Muhammad al- Khidr Husain pula menyatakan bahawa dakwah Islamiah ialah memberi peringatan tentang akibat penolakan terhadap dakwah dan menyelamatkan manusia daripada kesesatan. Muhammad Abû al-Fath al- Bayânûniyy berpendapat dakwah bermaksud menyampaikan Islam kepada umat manusia, mengajarkan dan mengamalkannya dalam kehidupan nyata (al-Bayânûniyy, 2010).

Dakwah Islamiah ini terbahagi kepada dua komponen iaitu isi kandungan ajaran yang hendak disampaikan kepada sasaran dan cara untuk menyampaikan ajaran tersebut. Gaya penyampaian isi dan uslub dakwah secara umumnya sangat penting dalam dakwah (Ab Aziz Mohd Zin, 2001). Asas metodologi dakwah dalam Islam adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.....”  
(al-Quran, Al-Nahl 16: 125)

Menurut Ab Aziz Mohd Zin (2001), ayat ini menerangkan cara dakwah yang harus dilakukan oleh setiap daie iaitu dengan cara hikmah, nasihat yang baik dan dengan dialog atau perbahasan yang terbaik. Ketiga-tiga cara inilah merupakan asas utama kepada metodologi dakwah dalam Islam. Kaedah dakwah dapat didefinisikan sebagai kaedah yang digunakan oleh pendakwah dalam menyampaikan dakwahnya kepada sasaran. Penggunaan kaedah yang tepat adalah elemen yang sangat penting dalam menjayakan keberhasilan dakwah. Bahan dakwah yang cukup, namun jika disampaikan dengan kaedah yang tidak benar, tidak akan menghasilkan kesan yang baik kepada sasaran [Nurhidayat, 2015].

### 1. Dakwah dengan hikmah

Terdapat banyak perbincangan tentang maksud al-hikmah. Dalam agama, hikmah merupakan kebijaksanaan dan juga dapat membezakan antara benar dan salah. Sifat al-hikmah merupakan perpaduan antara unsur-unsur al-kibrah (pengetahuan), al-miran (latihan), dan al-tajribah (pengalaman). Hal ini membawa maksud orang yang mempunyai pengetahuan, latihan dan pengalaman sebagai orang yang bijaksana. Sebab dengan pengalaman, ilmu atau keahlian dan latihan seseorang dapat mengeluarkan hujah yang betul dan fokus langkah-langkah dan perbuatannya, tidak menyimpang dan tidak goyah dan mempunyai tujuan yang tepat (Fadhullah, 1997, Nurhidayat, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa metod al-hikmah mengisyaratkan bahawa seorang daie harus memiliki pandangan luas termasuk tidak hanya pemahaman ilmu agama tetapi juga untuk mengetahui tentang ilmu umum lain seperti psikologi, sosiologi dan sebagainya.

### 2. Nasihat yang baik

Pendekatan dakwah yang kedua iaitu memberikan nasihat yang baik (al-mau'izah al-hasanah). Ibn Manzhur memberi makna al-Mau'izah adalah memberikan nasihat dan peringatan iaitu mengingatkan manusia dengan cara yang boleh menyentuh hati dan perasaan mereka (Ibn Manzhur, 1990). Pemilihan kata-kata, cara berkomunikasi dan menyampaikan intipati dakwah sangat penting dalam menarik minat sasaran untuk mendengar apa yang ingin disampaikan. Hal ini kerana setiap golongan sasaran itu memiliki tahap pemikiran yang berbeza. Contohnya, bahasa yang digunakan untuk bercakap dengan kanak-kanak sudah pasti tidak sama dengan golongan cendekiawan.



### 3. Dialog

Pendekatan ketiga ini mengaitkan aktiviti dakwah dengan cara perbincangan, perdebatan dan bantahan yang kuat. Tetapi semua perkara tersebut dilaksanakan dengan cara yang baik, saling menghormati antara satu sama lain, antara kelompok yang satu dengan kelompok lain dengan etika dan cara yang baik. Tujuan perbincangan itu adalah untuk mencari kebenaran dengan kaedah perdebatan yang betul (Nurhidayat, 2015).

Justeru, sebagai seorang Muslim tidak ada lagi alasan untuk menyatakan tidak dapat menyampaikan dakwah kerana tidak tahu bagaimana untuk melakukannya. Sesungguhnya Allah telah memberikan kita panduan lengkap melalui al-Quran dan as-Sunnah dalam menyampaikan dakwah di muka bumi ini. Dalam konteks dakwah pada hari ini, para daie haruslah bijak dalam pemilihan pendekatan yang sesuai digunakan kepada sasaran bagi memastikan misi dakwah itu berkesan.

### 3. Perbincangan

Perkembangan Islam di negeri Sabah bermula daripada sebelum kemerdekaan sehinggalah pada masa kini sememangnya memberikan kesan yang besar terutamanya kepada peningkatan penganut Islam di negeri ini sepertimana Abd Hakim Mohad, Kasim Mansur & Ros Aiza Mohd Mokhtar (2016) menyatakan bahawa semua pihak dan agensi yang terlibat dalam bidang dakwah di Sabah telah melakukan suatu usaha yang sangat baik. Begitu juga dengan Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin et. al. (2021) dengan jelas menyatakan bahawa gerakan-gerakan dakwah yang berterusan sebelum merdeka sehinggalah pada hari ini merupakan antara faktor yang menyumbang kepada perubahan komposisi Muslim di Sabah. Selain itu juga, Abd Hakim Mohad, Kasim Mansur & Ros Aiza Mohd Mokhtar (2016) menyatakan bahawa secara semua agensi dan individu yang terlibat dalam bidang dakwah di Sabah telah melakukan usaha yang baik. Kesabaran dan kegigihan mereka harus diberikan penghargaan. Namun, masih ada ruang untuk membuat penambahbaikan agar usaha dakwah yang dilakukan lebih berkesan. Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada empat strategi yang dilihat dapat membantu memperkasakan lagi institusi dakwah di Sabah ini sekaligus dapat membantu penyebaran Islam di Sabah.

#### a) Meningkatkan kapasiti *manpower* yang terlibat

Negeri Sabah merupakan sebuah negeri yang memiliki masyarakat yang berbilang kaum dan etnik dengan pelbagai adat, budaya, dan agama. Hal ini disebut oleh Saifulazry Mokhtar et al., (2019) bahawa kepelbagaian kaum dan budaya dalam masyarakat Malaysia amnya dan di Sandakan khususnya menghadirkan seribu satu corak pegangan, kebudayaan, anutan, kepercayaan, amalan dan sebagainya. Kepelbagaian ini telah mencipta aneka kaedah dan strategi dalam melaksanakan tuntutan dakwah tersebut. Justeru itu, beberapa agensi dakwah Islam di Sabah telah ditubuhkan bagi memastikan dakwah Islam berkembang di Sabah dengan pesatnya antaranya adalah Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sebagai badan yang berautoriti mengurus hal ehwal agama. JHEAINS adalah jabatan yang berperanan menggerakkan hala tuju gerakan dakwah di negeri Sabah. Selain JHEAINS, terdapat persatuan dakwah lain iaitu Persatuan Islam Seluruh Sabah ataupun dikenali sebagai United Sabah Islam Association (USIA). Penubuhan USIA ini adalah suatu usaha agar gerakan dakwah di Sabah dijalankan secara seragam dan selaras. Sama seperti JHEAINS, penubuhan USIA juga bertujuan untuk menjaga kepentingan umat Islam di Sabah termasuklah pendidikan, ekonomi, kebajikan dan lain-lain.

Mohd Aswan Mohd Amin & Abdul Ghafar Don (2021) menjelaskan JHEAINS dan USIA sangat aktif dalam menjalankan program dakwah kepada masyarakat di Sabah. Antara program yang dilaksanakan oleh USIA ialah program bimbingan dan pendidikan. USIA sedar akan kepentingan pendidikan agama khasnya kepada masyarakat di Sabah. Oleh itu mereka telah melancarkan beberapa inisiatif mewujudkan sekolah-sekolah agama. Sekitar tahun 1969 hingga 1970, USIA telah meluluskan peruntukan bagi membiayai pembinaan bangunan sekolah dan madrasah. Beberapa pelajar Sabah telah dihantar untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Brunei dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Bukan itu sahaja, pihak JHEAINS juga banyak menganjurkan Seminar Belia Berwawasan, Kursus Pengurusan Jenazah, Kursus Penghayatan Islam dan Bengkel Kepimpinan Generasi Pendakwah. Baru-baru ini, pihak Sabah Relief bercadang untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak IPDAS dan merealisasikan hasrat mengadakan Konvensyen Dakwah dan Kebajikan Peringkat Negeri Sabah. Baru-baru ini pihak JHEAINS menjalankan dakwah terhadap banduan di penjara Sandakan. Daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh JHEAINS dan USIA dapat disimpulkan bahawa mereka telah menggunakan beberapa pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan keadaan masyarakat di Sabah iaitu dakwah bi al-Nafs, dakwah Fardiyah, dakwah bi al- l dan dakwah al- m (Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie, 2019).

Manakala, IPDAS (2020) menyatakan bahawa untuk mengekalkan keharmonian masyarakat di negeri Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama, pihak JHEAINS juga perlu melaksanakan program Dialog Harmoni antara pelbagai agama agar dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum di Sabah. Seterusnya, pihak JHEAINS juga bekerjasama dengan Radio Ikim fm dan Sabah fm dalam menyebarkan dakwah Islamiah di kalangan masyarakat Sabah.



Antara pengisian dakwah yang disiarkan melalui radio adalah tazkirah agama setiap selesai azan solat fardhu, bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan hadis dengan terjemahannya didengarkan. Kolaborasi antara pihak JHEAINS dan radio merupakan salah satu cara bagi mengukuhkan dan menambahkan lagi aktiviti-aktiviti dakwah di Sabah. Di samping itu, usaha ini antara strategi unit dakwah JHEAINS untuk menarik masyarakat Sabah agar lebih menghayati konsep sebenar syiar Islam. Selain daripada itu, pihak USIA juga turut menjalankan aktiviti *mabit*. Aktiviti *Mabit* ini memerlukan peserta untuk menginap dan bermalam di sesuatu tempat untuk menjalankan dakwah. Menurut Haji Pangeran (2016) menyatakan bahawa terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan dalam program *mabit* ini antaranya ialah seperti ceramah, tazkirah, dan perbincangan dilaksanakan oleh masjid. Aktiviti *Mabit* ini merupakan salah satu strategi dakwah yang dilihat berkesan dalam menyantuni masyarakat di kawasan pedalaman khususnya.

Jika dilihat, agensi-agensi dakwah di Sabah ini telah menjalankan pelbagai usaha dan kaedah dalam menyampaikan dakwah. Namun, untuk melaksanakan semua ini memerlukan *man-power* atau ahli yang ramai bagi memastikannya ianya dapat dilaksanakan dengan optimum. Hal ini kerana usaha dakwah ini bukan hanya berkisar tentang ketika dakwah itu disampaikan tetapi ianya mempunyai kesinambungan selepas dakwah itu dilaksanakan. Kesemua proses ini sudah pasti memerlukan keahlian anggota yang ramai sama ada sebelum, ketika dan selepas ianya diadakan. Oleh sebab itu, bagi memperkasakan lagi usaha dakwah di Sabah pihak-pihak berkepentingan dalam aktiviti dakwah seharusnya memperbanyakkan dan meningkatkan penglibatan golongan belia. Hal ini kerana golongan belia merupakan pelapis yang bakal meneruskan legasi dakwah di Sabah. Selain itu, keterlibatan belia dalam aktiviti dakwah dapat membantu agensi agama Islam Sabah khususnya untuk mewujudkan idea-idea kreatif dan berinovasi dalam membantu mempermudah lagi perjalanan dakwah yang disusun.

#### **b) Kursus persiapan para pendakwah**

Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail & Sayuti (2018) menyatakan bahawa dakwah Islamiah menghadapi pelbagai cabaran yang semakin hebat antaranya adalah Kristianisasi, kemiskinan, Islamophobia dan sebagainya. Namun, selain daripada itu, isu yang sering dibincangkan juga adalah berhubung dengan tahap profesionalisme pendakwah yang melaksanakan segala tugas dakwah tersebut. Antara isu yang disebutkan adalah para pendakwah hanya menyampaikan dakwah tanpa memikirkan hasil pengajaran dan ketiadaan gambaran yang jelas tentang usaha dakwah yang dilaksanakan. Secara umumnya, Syahrul Faizaz Abdullah et al., (2006) menyatakan bahawa pendakwah merupakan tunjang utama untuk memastikan kejayaan dalam sesebuah usaha dakwah. Pendakwah yang berjaya adalah mereka yang mampu untuk menarik orang ramai untuk mengikuti dan menghayati ajaran Islam sebagai satu cara hidup. Oleh itu, seorang pendakwah perlu sentiasa bersedia dan mempersiapkan diri mereka supaya kehadiran mereka diterima dan disenangi (Muhammad Hafiy Dinie Mat Zailani & Khazri Osman, 2022).

Jika dilihat kepada latar belakang etnik dan bangsa yang ada di Sabah, sangatlah penting bagi setiap pendakwah itu membuat persiapan yang rapi sebelum turun ke medan dakwah. Hal ini kerana pendakwah haruslah mengetahui latar belakang sasaran mad'u dengan baik bagi memastikan pendekatan dakwah yang dipilih adalah sesuai. Justeru itu, bahawa seorang pendakwah juga perlu mempunyai keyakinan diri, kemahiran dan melakukan sesuatu tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh (Amini Amir Abdullah, 2014). Antara persediaan yang boleh dilakukan oleh pendakwah adalah sentiasa menyemak dan memperbaiki manhaj dakwah yang digunakan, menggunakan modal insan yang bersesuaian, mengenalpasti sasaran dakwah, melaksanakan tindakan mengikut keperluan dan sebagainya. Selain itu juga, Muhammad Hafiy Dinie Mat Zailani & Khazri Osman (2022) berpandangan bahawa akhlak dan keperibadian seorang pendakwah yang baik di mata masyarakat juga mampu menarik perhatian dan menjadi daya pengaruh khalayak dalam menerima dan memahami mesej Islam dengan lebih jelas.

Seterusnya Badruddin Jalal et al., (2018) menerangkan antara perkara yang perlu dikuasai oleh pendakwah adalah seperti berikut :

1. Kebolehan dalam pengucapan umum yang baik. Kemampuan pendakwah dalam pengucapan umum penting kerana persepsi umum masyarakat kepada pendakwah adalah kemampuan bercakap dengan baik.
2. Mempunyai pengetahuan dalam ilmu psikologi dapat membantu pendakwah mengetahui sikap, karakter, tingkah laku dan kecenderungan sasaran dakwah.
3. Menguasai pelbagai media untuk menyampaikan dakwah.
4. Menyesuaikan diri dan membina kepercayaan dengan khalayak sasaran
5. Bersedia untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul dalam masyarakat.

Manakala, Ibtisam Ibrahim & Berhanudin Abdullah (2019) pula menggariskan empat indikator penting yang mesti dilakukan pendakwah untuk memahirkan diri mereka, iaitu;

1. Para pendakwah haruslah memperdalam ruang lingkup pemikiran dengan fahaman agama Islam yang menyeluruh iaitu dengan mahir dalam al-Quran, al-Sunnah dan sirah Rasulullah SAW. Selain itu menghidupkan amalan banyak membaca dan mempelajari sejarah dalam Islam



2. Para pendakwah hendaklah memperluas aspek praktikal dalam agama, yang mana indikator ini bertujuan untuk melatih pendakwah menjadi contoh yang baik kepada masyarakat dengan melatih diri mempraktikkan sesuatu terlebih dahulu.
3. Para pendakwah juga hendaklah memperluas pengalaman dengan melibatkan diri di lapangan dakwah. Melalui penglibatan ini, pendakwah akan memperoleh pelbagai ilmu dan pengalaman.
4. Pendakwah hendaklah membentuk kemahiran dalam bidang yang pelbagai termasuklah dalam bidang sains, teknologi, gerakan dakwah dan sebagainya.

Berdasarkan kepada huraian di atas, jelaslah bahawa para pendakwah perlu mempersiapkan diri dari sudut ilmu, fizikal dan mental sebelum keluar untuk berdakwah. Perkara atau indikator ini harus dikuasai dan dipelajari dari masa ke semasa bagi meningkatkan lagi mutu dakwah yang disampaikan dan sekaligus memastikan misi dakwah tersebut berjaya. Semua agensi dan institusi dakwah yang terlibat dalam gerakan dakwah di Sabah harus menekankan persediaan para pendakwah ini dengan menyediakan kursus khas persiapan pendakwah terutamanya dalam mengenali latar belakang etnik dan kaum yang berbeza termasuklah dari sudut budaya dan pantang larang. Para pendakwah yang hendak turun kepada masyarakat Sabah haruslah mengenali sasaran untuk memudahkan para pendakwah membina hubungan dan mendekati sasaran. Oleh itu, para pendakwah pada masa kini harus mempersiapkan diri dengan sebaiknya sebelum turun ke medan dakwah. Hal ini kerana arus perubahan dunia pada masa kini memerlukan pendakwah untuk lebih kreatif, inovatif dan bijak dalam menyampaikan dakwahnya.

#### **c) Program susulan selepas program dakwah**

Hasil daripada usaha dakwah yang dijalankan oleh pelbagai pihak dan agensi dari tahun ke tahun, telah membantu pertambahan bilangan masyarakat yang memeluk Islam di Sabah. Pelbagai program susulan dijalankan bagi memastikan para muallaf mendapat bimbingan dan pendidikan berkaitan Islam dengan lebih mendalam. Abd Hakim Mohad et al., (2016) menyatakan bahawa bagi menyebarkan dan meneruskan usaha dakwah di Sabah, JHEAINS dan USIA telah banyak mengadakan beberapa program dakwah. Pihak JHEAINS menjalankan beberapa program khusus untuk muallaf supaya mereka mendapat ilmu dan kefahaman serta mengetahui tanggungjawab sebagai seorang muslim. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti kursus pemantapan akidah, kursus pengurusan jenazah, kursus penghayatan Islam, kelas fardhu ain dan membaca al-Quran, dan program Konvensyen Pembangunan Saudara Kita. Kesemua aktiviti ini dipantau oleh pegawai-pegawai JHEAINS yang terlatih. Bagi kelas fardhu ain dan membaca al-Quran, kelas ini diadakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad pada pukul 8 pagi sehingga 12 tengahari di tempat yang telah disediakan oleh pihak JHEAINS. Antara aspek yang difokuskan dalam kelas ini adalah solat,puasa,zakat dan sebagainya.

Dalam pada itu, pusat zakat Sabah juga turut menyediakan beberapa bantuan kebajikan terhadap muallaf sebagai tanda sokongan dan dorongan bagi meningkatkan tanggungjawab golongan ini kepada agama Islam. Selain dari itu, pihak JHEAINS juga menziarahi Rumah Kebajikan Orang-orang Tua. Ziarah ini adalah di antara inisiatif unit dakwah JHEAINS untuk menyebarkan dakwah bukan saja melibatkan orang Islam yang menjadi penghuni di rumah kebajikan tersebut, tetapi juga melibatkan golongan tua non-Muslim agar mereka turut mengenal dan mengetahui agama Islam dengan lebih dekat (Mohammad Raj Azzahari Bin Radin, 2018). Pada tahun 2008, beberapa program susulan yang dibuat oleh pihak USIA antaranya menubuhkan Baitun Nur atau dikenali juga sebagai Pusat Bimbingan Saudara Kita yang menyediakan kelas bimbingan kepada golongan muallaf. Pusat bimbingan ini menampung 45 orang pelajar dan mereka akan diberikan pengetahuan awal dan pembelajaran mengenai Al-Quran, fardhu ain, akidah dan fikrah umum. Disamping itu, USIA juga telah menerbitkan bahan bacaan iaitu Sinar USIA bagi memudahkan Saudara Baharu untuk mendapatkan bahan bacaan yang berkaitan dengan ilmu Islam. Bukan itu sahaja, USIA juga turut menceburkan diri dalam bidang pembangunan hartanah yang bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan dalam usaha menegakkan syiar Islam. Malahan, USIA juga menjalankan usaha sama dengan syarikat swasta bagi membangunkan USIA Plaza di Lahad Datu.

Berdasarkan kepada huraian di atas, hal ini jelas menunjukkan program susulan ini sangat penting untuk dilaksanakan. Golongan muallaf merupakan tanggungjawab kita semua untuk dibimbing agar mereka dapat mengamalkan serta menjadikan Islam sebagai cara hidupnya. Tanpa program susulan yang efektif dan berterusan, sudah pasti ianya akan memberikan kesan yang besar kepada kefahaman dan pengamalan Islam dalam kehidupan saudara baru. Bagi memastikan semua program susulan ini dapat memberikan kesan yang maksimum kepada saudara baru atau umat Islam itu sendiri, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira. Antaranya, isi kandungan dalam modul pengajaran hendaklah sentiasa dikemaskini mengikut kesesuaian, tenaga pengajar juga haruslah mempunyai kepakaran yang tinggi dan kreatif dalam menyampaikan pengajarannya. Selain itu, program susulan ini hendaklah berterusan, contohnya selepas program dakwah yang dijalankan di lokasi tertentu, program susulan hendaklah menyusul selepas itu untuk memastikan bimbingan akan terus diberikan seiring dengan dakwah yang dibawa.

#### **d) Penyelarasan program dakwah**



Penyelarasan tugas antara pelbagai agensi dan organisasi dakwah di Sabah ini sangat penting bagi memastikan tidak berlaku pertindihan aktiviti. Perkara ini harus dititikberatkan oleh semua pihak yang terlibat bagi memastikan segala perancangan dakwah dikongsi bersama untuk memaksimumkan lagi usaha dakwah di Sabah. Terdapat pelbagai contoh kerjasama yang telah dilakukan antara agensi dakwah di Malaysia bersama agensi lain dalam menyampaikan dakwah. Contohnya, mengadakan aktiviti kemasyarakatan oleh Pusat Darah Negara, Lembaga Tabung Haji, Yayasan Wakaf Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pusat Pungutan Zakat MAIWP, Bahagian Halal Jakim dan lain-lain dalam program Semarak Mahabbah Masjid Putra. Antara program yang dilaksanakan adalah Penglibatan Badan Beruniform seperti RELA bagi menarik perhatian dan pujian warga komuniti bila mana mereka turun beramai-ramai bagi menderma darah bersama Pusat Darah Negara (Masjid Putra, 2020). tidak berkemampuan yang memerlukan rawatan dialisis,” (Harian Metro, 2019). Contoh lain pula adalah Karnival i-Media Baharu Kedah 2017. JAKIM melalui Bahagian Dakwah sebagai penganjur program ini meneruskan peranan Jakim dalam memperkasakan agenda dakwah ke arah pembentukan khairat ummah melalui usaha menjalinkan penyelarasan dan rangkaian dakwah bersama agensi-agensi lain. Melalui program santai ini, ia dapat mendekati masyarakat melalui konsep turun padang, mendedahkan kepada masyarakat trend penggunaan media baharu implikasi dan bahayanya kepada masyarakat. Karnival yang dijalankan selama 3 hari 2 malam mendapat sambutan yang hebat dari masyarakat Guar Chempedak dan daerah Yan amnya. Bermula program Simposium Dakwah Media Baharu, Forum Perdana Ehwat Islam, Program Komuniti, Nahmu Ma’akum, Gotong-royong Kampung, Ceramah Motivasi, Pertandingan Futsal, Gema Selawat, Malam Kesenian Islam, Himpunan Belia Islam Kedah 2017, Pertandingan Memasak serta pameran dari agensi-agensi kerajaan dan Kelab Motosikal berkuasa tinggi (JAKIM, 2017).

Berdasarkan contoh aktiviti dan program yang pernah dilaksanakan seperti di atas, setiap daripada agensi dakwah boleh berbincang dan bermesyuarat untuk melaksanakan aktiviti dakwah mengikut jadual yang telah ditetapkan. Selain itu, setiap agensi juga boleh melantik pakar rujuk di setiap kawasan yang berpotensi untuk memudahkan para pendakwah membuat persiapan yang bersesuaian dengan sasaran. Seterusnya semua program dan aktiviti dakwah perlu diselaraskan terlebih dahulu di peringkat negeri atau peringkat pusat dan kemudiannya boleh dilaksanakan di peringkat negeri, daerah dan kumpulan masyarakat. Penyelarasan ini bertujuan untuk mewujudkan keseragaman kerja dan juga mengelakkan pertindihan program dakwah antara negeri-negeri (Mohammad Zaki, 2021). Mesyuarat dan perbincangan awal yang dilakukan oleh agensi dakwah di negeri Sabah penting bagi memastikan tidak akan berlaku pertindihan program antara pusat dengan negeri (Mohammad Zaki, 2021). Justeru, kerjasama dan penyelarasan tugas antara agensi dakwah yang terlibat adalah sangat penting untuk memastikan objektif dakwah itu sampai kepada sasarannya serta kegiatan dakwah dapat dilaksanakan dengan baik di semua peringkat dalam semua aspek seperti dipersetujui oleh semua agensi.

#### 4. Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelaslah bahawa pelbagai usaha dakwah telah dilakukan dalam menyebarkan Islam di Sabah. Namun, masih terdapat cabaran yang harus dihadapi dan boleh ditambahbaik dalam memperkasakan lagi kegiatan dakwah di Sabah. Antara strategi yang boleh dilaksanakan dalam memperkasakan dakwah di Sabah ini adalah meningkatkan jumlah tenaga kerja yang terlibat termasuklah tenaga pengajar untuk membantu para muallaf mempelajari Islam dengan mendalam. Selain itu, para pendakwah haruslah mengikuti kursus persiapan untuk membolehkannya memahami latar belakang sasaran dengan lebih baik seterusnya dapat menentukan metodologi dakwah yang terbaik. Pelaksanaan program susulan yang berterusan harus dipergiatkan lagi untuk memastikan para saudara baru kita tidak ketinggalan dalam mendalami dan menghayati Islam dalam kehidupan seharian. Seterusnya, kerjasama semua pihak termasuklah institusi di negeri ini hendaklah diperkuatkan lagi untuk sama-sama merancang aktiviti dakwah yang dijalankan bagi mengelakkan pertindihan. Semoga dengan usaha-usaha ini dapat merancakkan lagi dakwah di Sabah dan seterusnya menyebarkan syiar Islam di Borneo.

Oleh itu, gerakan dakwah di Sabah ini perlu ditambah baik dan perlu bersifat proaktif serta kontemporari agar menepati objektif dakwah Islamiah itu sendiri. Hal ini kerana penyebaran dakwah Islam memerlukan perancangan yang strategik lebih-lebih lagi dalam mendepani pelbagai cabaran dan serangan ideologi masa kini. Melahirkan pendakwah yang dinamik dan berdedikasi amat diperlukan. Hal ini disebabkan oleh demografi negeri Sabah yang sangat mencabar dan memerlukan pihak pendakwah untuk bekerja keras dalam menyebarkan risalah Islam khususnya di kawasan pedalaman. Seterusnya, Dialog dan diskusi perlu dipergiatkan agar tidak berlaku kesalahfahaman antara penganut lain di Sabah dan dapat menarik mad'u untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan Islam. Akhir sekali, menyantuni masyarakat dengan penuh adab dan akhlak, bersikap terbuka, meraih perbezaan pendapat, memberi dan berkongsi ilmu, tunjuk ajar dan bimbingan yang baik kerjasama antara agensi-agensi dakwah di Sabah ini haruslah dipertingkatkan agar mendapat pendekatan yang terbaik dalam menyebarkan dakwah di Sabah.



## Rujukan

- Abd Aziz Mohd Zin (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abd Hakim Mohad, Kasim Mansur & Ros Aiza Mohd Mokhtar. 2016. *Dakwah Islam di Sabah, Malaysia: Satu Eksplorasi Awal*. *Jurnal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*.
- Abdul Karim Zaidan. 2007. *Dasar-Dasar Ilmu Da'wah*. H.M. Asywadi Syukur Lc (terj). Jil 1. Jakarta: Penerbit Media Dakwah.
- Amini Amir Abdullah. 2014. *Islam Yang Dinamik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Berita Jakim (12 Mei, 2017), *Kemeriahan Karnival i-Media Baharu Kedah 2017*, from:
- Burhanuddin Jalal, Amnag Saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani. 2018. *Dinamika Pendakwah Melaksana Dakwah Pelbagai Etnik*. *Journal of Education and Social Sciences*. Vol.9. Issue 1.
- Fadhullah Metodologi. 1997. *Dakwah dalam al-Qur'an Pegangan Bagi Para Aktivist al-Ushlub alDakwah fi al-Qur'an* (Jakarta), h. 42.
- H. Hamzah Ya'cub. 1992. *Publisistik Islam: Teknik Dakwah dan Leadership*. Cetakan 4. Bandung: Diponegoro.
- Ibnu Manzhur. 1990. *Lisân al-Arab Jilid VII* Beirut: Dâr al-Shadir.
- Ibtisam Ibrahim & Berhanuddin Abdullah. 2019. *Pendekatan Pengurusan Kemahiran Pendakwah Profesional Dalam Dakwah Kepada Masyarakat Awam*. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. 23-23 November 2019.
- Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. 2021. *Perkasa program dakwah di Sabah*. Dilayari pada 31 Julai 2022 dari. <https://www.islam.gov.my/en/berita/791-perkasa-program-dakwah-di-sabah>.
- Juhari Hasan & Muhd. Syahrul Nizam. 2017. *Strategi United Sabah Islamic Association (USIA) dalam Mengembangkan Dakwah di Kota Kinabalu, Malaysia*. *Jurnal Membangun Profesional Managemen Dakwah*. 3(1): 1-18.
- Masjid Putra (6 Mac, 2020), *Program Semarak Mahabbah Masjid Putra : Langkah Memperkasa Peranan Dan Institusi Masjid*,
- Mohamad Zaki Hamid. 2021. *Sektor pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian tentang pelaksanaan program dakwah dan keberkesannya*.
- Mohammad Raj Azzahari Bin Radin (2018). *Strategi Unit Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (Jheains) Dalam Menyebarkan Dakwah Pada Non-Muslim Di Negeri Sabah*. *Jurnal Manajemen Dan Administrasi Islam*. 18).
- Mohd Aswan Mohd Amin & Abdul Ghafar Don. 2021. *The Role of Islamic Organizations in The Dakwah Mualaf Movement in Sabah*. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*. 42-52.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Iknor Azli Ibrahim. 2017. *Migrasi dan Impaknya Terhadap Kepelbagaian Etnik Islam di Sabah*. *Proceedings The 6<sup>th</sup> International Conference on Social Sciences and Humanities*. 4-6 April 2017. Malaysia.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Abang Mohd Razif Abang Muis, Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg & Jais Abdul Hamid. 2021. *Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah*. *International Journal of Law, Government and Communication*. Vol. 6.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Iknor Azli Ibrahim & Azizah Kassim. 2016. *Migrasi Dakwah dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah dari Sudut Demografi dan Politik*. *Proceedings of the 10th International Malaysian Studies Conference*, hlm 1001-1016.
- Muhammad Abû al-Fath al-Bayânûniyy. 2010. *al-Madkhal ilâ ilmi al-Da wah*. Beirut: al-Resalah al-A'lamiah.
- Muhammad Hafiy Dinie Mat Zailani & Khazri Osman. 2022. *Kepentingan Kesantunan dan Penguasaan Bahasa dalam Penyampaian Dakwah*. *Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2022*. 14-15 Julai 2022.
- Said, Nurhidayat Muh. (2015). *Metode Dakwah (Studi Al-Qur'an Surah An-Nahl ayat 125)*, *Jurnal Dakwah Tabligh*, Vol. 16, No. 1:78-89
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie (2019). *Pendekatan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Terhadap Banduan Di Penjara Sandakan*. *Al-Hikmah* 11(2) 2019: 68-87.
- Sharifah Darmia binti Sharif Adam (2020). *Pengaruh Budaya dalam Keharmonian Etnik di Sabah*. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020*.
- Syahrul Faizaz Abdullah, Azizah Othman & Solahuddin Ismail (2006). *Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah dan Metodologi Dakwah Islamiah di Kalangan Pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH)*. *Kertas kerja ini dibentangkan di National Student Development Conference (NASDEC)*, Kuala Lumpur pada 8-9 Ogos 2006.
- Wendy Hutton (2001). *Discovering Sabah*. Sabah: Natural History Publications (Borneo) SDN. BHD.
- Zikmal Fuad (2015). *Pendekatan Dakwah Fardiyyah Shayk Muim al-Wahhab Dalam Kalangan Masyarakat Bersilam Langkat*. *The Journal of Humanities & Social Sciences JSASS*. Vol.2. Bil.2

